

577:
MAHATHIR-TEKNIK

ALOR SETAR, 12 JAN (BERNAMA)-PELUANG MASA DEPAN PELAJAR PELAJAR LULUSAN SEKOLAH VOKESYENAL DAN TEKNIK SAMA CERMELANGNYA DENGAN LULUSAN SEKOLAH MENENGAH YANG LAIN DI NEGARA INI, KATA MENTERI PELAJARAN, DR. MAHATHIR MOHAMAD.

KATANYA MATAPELAJARAN YANG DIBERI DI SEKOLAH-SEKOLAH TERSEBUT BEGITU LUAS MELIPUTI BIDANG LETRIK, KIMPALAN (WELDING), PENDINGINAN, KAJISAWAT MOTOR DAN BERBAGAI-BAGAI LAGI.

PEKERJA-PEKERJA MAHIR DALAM BIDANG-BIDANG TERSEBUT SANGAT DIPERLUKAN OLEH SEKTOR SWASTA.

BELIAU MENYATAKAN INI KEPADA PARA PEMBERITA SELEPAS MELAWAT SEKOLAH VOKESYENAL DAN SEKOLAH MENENGAH TEKNIK DI SINI HARI INI.-BERSAMBUNG HM 1745

578:
MAHATHIR-TEKNIK 2 ALOR SETAR

DR. MAHATHIR KURANG PUASHATI FAHAMAN DAN ANGGAPAN SEBILANGAN IBUBAPA DAN PARA PELAJAR YANG DIPILIH MASUK KE SEKOLAH-SEKOLAH TERSEBUT.

KATANYA TUJUAN KERAJAAN MEMBUKA BANYAK SEKOLAH-SEKOLAH TERSEBUT JALAN HENDAK MELAHIRKAN LEBIH RAMAI TENAGA-TENAGA MAHIR DI KALANGAN KAUM BUMIPUTRA.

PELUANG MASA DEPAN PELAJAR-PELAJAR YANG LULUS DARI SEKOLAH-SEKOLAH TERSEBUT ADALAH SAMA CERMELANGNYA DENGAN PELAJAR-PELAJAR DI SEKOLAH-SEKOLAH MENENGAH YANG MELANJUTKAN PELAJARAN KE UNIVERSITI-UNIVERSITI.

BELIAU MENGARAHKAN PARA PENGETUA SEKOLAH-SEKOLAH VOKESYENAL DAN TEKNIK SUPAYA MEMANGGIL DAN BERBINCANG DENGAN PARA IBUBAPA DAN PELAJAR MENGENAI KURSUS-KURSUS YANG TERDAPAT DI SEKOLAH-SEKOLAH TERSEBUT SERTA PELUANG-PELUANG YANG TIDA KETINGGALAN.

BELIAU MENGINGATKAN BAHAWA KEJAYAAN HIDUP TIDAK SAJA BOLEH DICAPAI OLEH MEREKA YANG PERGI KE UNIVERSITI-UNIVERSITI UNTUK PENGETAHUAN AKADEMIK, TETAPI JUGA BOLEH DICAPAI MELALUI KEMAHIRAN SESUATU BIDANG TERTENTU YANG TERDAPAT DI SEKOLAH-SEKOLAH VOKESYENAL DAN TEKNIK.-BERSAMBUNG HM 1749